

UMS Buat Kajian Rungkai Resepi Keharmonian Masyarakat Pelbagai Kaum di Sabah

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 01 November 2019 18:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 63

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



JUMAAT, 1 NOVEMBER -
Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk membuat penyelidikan bagi merungkai kunci rahsia di sebalik perpaduan dan kerharmonian dalam kepelbagai etnik di Sabah.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul berkata, semua pihak sudah sedia maklum tentang keunikan di negeri ini, namun resepi di sebalik perpaduan itu masih belum dirungkai sehingga mempunyai kekangan untuk memindahkannya ke tempat lain serta berhadapan

masalah bagaimana mengekalkan resipi keharmonian berkenaan.

“Jadi saya berfikir, sudah sampai masanya UMS sebagai satu-satunya universiti utama di Sabah merungkai isu ini secara penyelidikan dan akademik kerana perkara ini sangat penting dan perlu diarusperdanakan.

“UMS akan menggagaskan satu usaha di mana kita akan kumpulkan penyelidik-penyalidik pelbagai disiplin, dan membuat kajian yang mungkin bersifat fundamental untuk mencari rahsia atau kunci dan bagaimana kunci itu dapat digunakan untuk membuka pintu-pintu keharmonian dan perpaduan di tempat lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Program Pertemuan Bersama Sasterawan dan Ilmuan Negara di sini, baru-baru ini.

Menurut Dr. Ramzah, penyelidikan itu akan dibuat pada tahun hadapan menggunakan sekitar RM100,000 – RM150,000 geran penyelidikan dalaman UMS.

Ujarnya, geran yang akan digunakan itu adalah daripada RM10 juta yang telah diperuntukkan sebagai geran penyelidikan dalaman UMS bagi tahun 2020 seperti yang diumumkan Naib Canselor, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin sebelum ini.

“Oleh kerana kita mempunyai lebih 800 penyelidik dengan pelbagai kepakaran, saya tidak fikir bidang kajian ini hanya terbatas dalam bidang sains sosial dan bidang kemanusiaan sahaja, mungkin juga ia akan merentas kepada bidang-bidang lain seperti pendidikan, ekonomi dan sebagainya.

“Justeru, kita akan buka penyelidikan bagi merungkai resepi keharmonian di Sabah ini kepada semua penyelidik UMS dan kita akan pilih berdasarkan penilaian terhadap kertas cadangan penyelidikan yang terbaik,” katanya.